

H1N1: 255 kes baru, kematian kekal 73

S.A 6/9/09 M/S 10

KUANTAN – Sebanyak 255 kes baru selesema babi atau Influenza A (H1N1) dilaporkan seluruh negara semalam dengan jumlah kematian kekal 73 kes.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, sebanyak 1,198 kes penyakit serupa Influenza (ILI) pula dilaporkan dengan 301 daripadanya positif H1N1.

Menurutnya, sehingga kini sebanyak 55 kes unit rawatan kecemasan (ICU) dilaporkan seluruh negara dengan sembilan daripadanya adalah kes baru manakala tiga kes lagi pesakitnya dibenarkan keluar.

"Kementerian Kesihatan sudah pun mengeluarkan arahan di mana setiap hospital yang mempunyai ICU perlu ditempatkan satu pasukan doktor pakar bagi merawat mereka yang mengidap H1N1. Langkah ini penting bagi memastikan penularan wabak ini berjaya dikawal," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu mengadakan lawatan mengejut di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini semalam bagi melihat sejauh mana kecekapan kakitangan hospital ini menangani H1N1.

Tiong Lai berkata, mereka yang tergolong daripada golongan berisiko paling ramai di sahan H1N1 di mana 33 daripada 55 kes itu melibatkan mereka yang mempunyai penyakit kronik, kanak-kanak bawah lima tahun, obesiti, wanita hamil, warga emas dan penyakit respiratori.

Menurutnya, mereka yang tergolong dalam golongan ini perlu segera mendapatkan rawatan antivirus influenza di klinik atau hospital memandangkan rawatan itu hanya berkesan jika dimulakan dalam tempoh dua hari ini selepas gejala jangkitan bermula.

Katanya, orang ramai dinasihatkan terus memberikan perhatian terhadap langkah-langkah kebersihan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan bagi memastikan penularan wabak ini mampu dikawal.



● Tiong Lai sewaktu mengadakan lawatan ke HTAA melihat sejauh mana kecekapan kakitangan hospital itu menangani kes-kes H1N1, di sini semalam.